

Headline	FAMA sedia bantu pasarkan harumanis		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Utara)		
Date	12 Jun 2017	Color	Full Color
Section	News	Circulation	8,443
Page No	30	Readership	25,329
Language	Malay	ArticleSize	405 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,853
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,559



FAMA sedia bantu pasarkan harumanis

KANGAR 11 Jun - FAMA Perlis bersedia membantu penanam harumanis Perlis jika berhadapan dengan masalah pemasaran ekoran 40 peratus pengeluaran buah pada musim ini berlaku dalam bulan puasa.

Pengaruhnya, Shahrizan Sudiman berkata, yang penting sekarang penanam diminta tidak panik sehingga sanggup memetik buah tidak matang kerana bimbang tidak laku di pasaran.

Beliau berkata, apa yang dikesalkan, akibat penjualan buah yang tidak matang, itu menyebabkan orang luar tidak puas hati kerana membeli buah yang telah rosak dan masam.

"Kini FAMA terpaksa membersihkan semula imej harumanis yang tercalar pada musim ini," katanya ketika ditemui di pejabatnya baru-baru ini.

Shahrizan meminta kerjasama penanam supaya dapat bersabar untuk tidak memetik buah berkenaan sebelum cukup matang iaitu pada minggu ke-13.

Katanya, lagipun hanya tinggal dua minggu lagi umat Islam berpuasa di mana selepas itu permintaan buah dijangka pulih semula.



SHAHRIAN SUDIMAN (dua dari kanan) melihat proses pengedaran buah yang dilakukan di Komplex Bilik Sejuk FAMA di Behor Temak, Kangar, Perlis.

Beliau berkata, selain itu permintaan harumanis akan kembali naik mendadak apabila anak-anak Perlis yang tinggal di rantau orang, pulang ke kampung untuk berhari raya.

Shahrizan berkata, setakat ini harga harumanis berdasarkan pasaran di Lembah Klang didapati susut antara 20 hingga 30 peratus.

Beliau berkata, pihaknya telah menerima harumanis dari

pada 30 penanam yang menghantar ke kompleks ini yang terletak di Jalan Behor Temak di sini disebabkan menghadapi masalah pemasaran.

"Kita sedia menerima wa-

laupun dalam jumlah sedikit tetapi sebelum itu akan melakukan pengedaran buah terlebih dahulu," katanya.

Menurut beliau, setiap mereka yang menghantar buah ini akan diminta kad pengenalan supaya FAMA tidak membeli buah curi selain untuk kemudahan bayaran.

Shahrizan berkata, FAMA juga telah menetapkan harga yang sewajarnya supaya ia berada dalam kedudukan stabil.

Beliau berkata, harga yang ditawarkan FAMA kini dijadikan sebagai panduan oleh pemborong sekali gus menyelamatkan penanam harumanis dari berhadapan dengan kejatuhan harga.

Shahrizan berkata, pihaknya juga menyediakan program pengaturan pemasaran untuk memastikan harumanis dapat dijual terus oleh penanam kepada pembeli tanpa melalui orang tengah.

"Kita mengenal pasti lokasi di Lembah Klang dan selatan tanah air termasuk pasar tani yang sesuai untuk dipasarkan oleh penanam sendiri," katanya.

info

IKON PERLIS

- > **Keluasan tanaman harumanis:** 1, 037 hektar
- > **Tanaman yang mengeluarkan hasil:** 655 hektar
- > **Pengeluaran:**
2016 - 780 tan metrik
2017 - 2,150 tan metrik (3 kali ganda)
- > **Musim tuaian:**
April hingga Jun (sebelum ini)
April hingga Julai (2017)
Harga harumanis:
1980-an RM1.60 sekilogram
2014 - RM23-RM26
2015 - RM25-RM27
2016 - RM30-RM40